

# Pastikan murid ambil susu ikut jadual

**Saya** menyokong tindakan Kementerian Pelajaran memperkenalkan bantuan Program Susu Sekolah (PSS) walaupun suatu ketika dulu program ini pernah ditarik balik berikutan pencemaran bakteria.

Program ini bermatlamatkan meningkatkan taraf kesihatan murid serta kempen kepentingan susu terhadap pembesaran kanak-kanak.

Susu kaya dengan nutrient, vitamin dan mineral yang baik untuk pembesaran kanak-kanak.

Bukan semua kanak-kanak terutama di luar bandar dan pedalaman mampu menikmati susu. Justeru, langkah kerajaan berkenaan mampu meningkatkan nilai sosial masyarakat luar bandar.

Pengambilan susu dalam kalangan kanak-kanak masih kurang memberangsangkan. Malah, ada ibu yang beranggapan susu hanya diberikan kepada bayi.

Bagi memastikan Program Susu Sekolah ini terus berjalan, pihak sekolah juga perlu memastikan murid mengambil susu yang disediakan mengikut waktu yang dijadualkan.

**Norkhadijah Sahak,**  
Universiti Sains Islam Malaysia